

Isu kedua ialah hutang negara dari mana, dalam atau luar negara? Rata-rata hutang negara dari dalam negara seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi kewangan dalam negara dan syarikat insurans yang membeli hutang kerajaan, jadi mata wang yang terlibat ialah ringgit sahaja tetapi apabila pinjaman dari luar negara dibuat maka ada dua mata wang terlibat, jika kadar tukaran kita kuat tiada masalah tetapi jika kadar tukaran jatuh ia akan menimbulkan masalah di kemudian hari.

Bagaimana pula pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), adakah harga barang turun sekarang?

NOOR AZLAN: Secara keseluruhan harga tidak turun, matlamat sistem percuakan perlu difahami. Apabila GST diperkenalkan memang betul ada kenaikan harga tetapi selepas itu harga stabil semula. Isu harga bukan isu GST, isu harga berlaku sebelum GST lagi, isu ini lebih kepada rantaian bekalan, persaingan dan produktiviti negara.

Disebabkan itu apabila SST diperkenalkan dengan tujuan untuk menurunkan harga, memang ia tidak akan berjaya. Matlamat sistem percuakan bukan untuk menurunkan harga ada faktor lain lagi yang menyebabkan harga naik.

Maaf jika saya sebut, subjek cukai telah dirampas menjadi subjek politik, jadi ahli-ahli ekonomi macam kami sudah kelu untuk membuat penerangan. Memang betul, tiada siapa pun yang suka dikenakan cukai tetapi pada sama mereka perlu faham bagaimana untuk menyediakan kemudahan seperti lampu jalan, rumput dipotong, jalan yang elok dan peralatan sekolah sekiranya tiada siapa pun yang hendak menanggung kos ini.

Sepatutnya GST ditambah baik kerana ia adalah sistem baharu dan mungkin ada masalah sedikit, tetapi apabila dihapuskan memang sukar untuk dilaksanakannya semula.

Sejak akhir-akhir ini banyak aset negara dijual, mengapa ia berlaku?

NOOR AZLAN: Berdasarkan laporan media banyak aset negara telah dijual, secara jujur saya tidak tahu tujuannya, apabila masyarakat tidak tahu kerajaan PH perlu ambil peduli untuk maklumkan kepada rakyat.

Saya tidak kata penjualan ini tidak baik tetapi jika terlalu kerap dijual rakyat pun hendak tahu sebabnya. Sebagai contoh isu pergabungan Axiate dan Telenor yang merupakan sebuah syarikat dari Norway, rakyat mahu tahu kenapa ia dijual. Situasi ini samalah jika saya menjual kereta, rumah dan sebagainya pasti orang akan beranggapan saya mempunyai masalah dan kamu tidak boleh menyalahkan orang jika beranggapan sedemikian tetapi jika kamu jelaskan yang kereta dan rumah ini dijual sebab hendak pindah ke luar negara, itu tidak menjadi masalah. Jadi, tindakan menjual dengan memberikan alasan yang kukuh masih boleh diterima dan tidak menyebabkan panik.

Kita menghormati keputusan kerajaan tetapi bagi tahu lah kenapa ia dijual termasuk isu melibatkan Tabung Haji dan Felda, kalau penerangan diberikan dengan baik insya-Allah rakyat dapat menerima.

Lima tahun baru nilai

TANGGAL 9 Mei 2019 yang lalu genaplah usia setahun Malaysia Baharu di bawah pimpinan kerajaan Pakatan Harapan (PH). Faktor ekonomi terutamanya peningkatan ketara kos sara hidup didapati menjadi penyumbang utama kepada sokongan majoriti rakyat kepada kerajaan PH.

Ramai penganalisis ekonomi dan orang ramai berbincang dan berhujah berkenaan dengan prestasi setahun kerajaan PH di dalam memperbaiki taraf hidup rakyat. Sebelum membuat sebarang penilaian, kita perlu fahami terlebih dahulu apakah permasalahan utama ekonomi Malaysia dan jangka masa yang diperlukan untuk memperbaikinya.

MASALAH STRUKTUR

Peningkatan kos sara hidup yang meruncing ketika ini disebabkan oleh pertumbuhan gaji dan upah lebih perlahan berbanding peningkatan harga. Keadaan ini menyebabkan kuasa beli isi rumah menurun dan memerlukan mereka berbelanja lebih untuk mengekalkan taraf hidup.

Peningkatan kos perbelanjaan rakyat sebahagian besarnya akibat daripada peningkatan ketara harga makanan dan perumahan. Struktur pasaran yang berbentuk monopoli menjadi punca utama kepada peningkatan harga makanan dan perumahan yang tidak terkawal.

Kajian mendapati bekalan bahan mentah di sepanjang rantaian nilai pengeluaran makanan di negara ini dipengaruhi secara langsung atau tak langsung oleh beberapa firma bersaiz besar. Begitu juga dengan sektor pembinaan perumahan yang hanya dimonopoli beberapa syarikat sahaja. Lebih membimbangkan, kadar tidak keupayaan pemilikan rumah meningkat akibat daripada harga rumah yang lebih tinggi daripada pendapatan pembeli.

Struktur ekonomi juga mempengaruhi tingkat gaji dan upah. Struktur pengagihan pendapatan yang tidak seimbang menyebabkan gaji dan upah rakyat meningkat perlahan. Bagi setiap nilai ringgit keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang dijana, hanya sekitar 35 sen sahaja akan diterima buruh dalam bentuk gaji dan upah manakala 65 sen diterima pemilik perniagaan dalam bentuk keuntungan.

Kepincangan juga wujud di dalam pasaran buruh. Pertumbuhan ekonomi semasa tidak mencipta banyak peluang pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan individu. Senario semasa menunjukkan ekonomi Malaysia lebih banyak mencipta peluang pekerjaan kepada kategori separuh mahir dan tidak mahir berbanding pekerja mahir.

Jelas sekali penyelesaian kos sara hidup memerlukan kepada perubahan struktur ekonomi.



Oleh
MOHD. YUSOF SAARI

“Amat penting untuk rakyat fahami bahawa perubahan struktur ekonomi yang bersifat makro ini memakan masa. Keberkesanan dasar yang digubal untuk mengekang monopoli pada hari ini hanya boleh dinilai dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi”.

Struktur ekonomi yang sedia ada kurang sensitif dan mesra rakyat yang mengakibatkan dasar kerajaan tidak efektif. Misalnya, penghapusan GST tidak memberi kesan yang signifikan kepada penurunan harga barang.

ADAKAH USAHA MENGUBAH STRUKTUR DILAKUKAN?

Kita dapat lihat bahawa langkah-langkah pemuliharaan ekonomi telah dilakukan sejak dari hari pertama kerajaan PH memerintah. Usaha-usaha yang dilakukan terarah kepada tiga aspek iaitu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan baharu, mengutamakan pengagihan pendapatan dan melaksanakan reformasi institusi. Lebih jelas lagi, semua usaha-usaha tersebut dirangkum di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Kaedah perlaksanaan agenda reformasi ekonomi ini lebih bersifat top-down, iaitu fokus terarah kepada aspek ekonomi makro.

KEBERKESANAN JANGKA PANJANG

Amat penting untuk rakyat fahami bahawa perubahan struktur ekonomi yang bersifat makro ini memakan masa. Keberkesanan dasar yang digubal untuk mengekang monopoli pada hari ini hanya boleh dinilai dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi, begitu juga usaha menambah baik pasaran buruh yang melibatkan gaji dan upah, dan ketidak padanan pekerjaan turut memakan masa.

Jadi secara rasionalnya, masih terlalu awal untuk kita menilai prestasi ekonomi di bawah kerajaan PH dalam masa setahun. Idealnya,



kita boleh menilai kecekapan dan keberkesanan kerajaan PH di dalam memperbaiki struktur ekonomi Malaysia dalam tempoh lima tahun. Hal ini kerana dasar-dasar perubahan struktur ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan PH lebih terarah kepada penyelesaian makro.

Tetapi dalam masa sama, perancangan dan pemuliharaan aspek mikro tidak boleh dilupakan kerana rakyat akan lebih terkesan melalui pendekatan mikro. Bagi rakyat, mereka hanya prihatin kepada kos sara hidup. Mereka hanya ingin melihat situasi harga barang yang lebih rendah serta pendapatan yang lebih baik.

FOKUS PERANCANGAN MIKRO

Kerajaan digesa untuk lebih fokus kepada usaha-usaha yang lebih cepat dan efektif ke arah pembangunan ekonomi rakyat. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilaksanakan tetapi haruslah disertakan dengan iltizam yang tinggi daripada pihak-pihak berkenaan.

Contoh paling mudah untuk dilaksanakan adalah pemuliharaan dan pembangunan ekonomi peneroka Felda kerana Felda mempunyai peluang dan ruang luas untuk dimaksimumkan kerana kawasannya menjanjikan pasaran yang luas, sumber buruh terutama golongan wanita yang ramai dan ruang tanah yang luas.

Pengurusan Felda perlu mentransformasikan agensi itu menjadi pusat penjanaan pendapatan kepada peneroka dan negara, dengan menggunakan model perniagaan baharu, gugusan Felda berpotensi menjadi hub pengeluaran produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutamanya pemprosesan makanan dan aktiviti perkhidmatan seperti pelancongan pendidikan dan perkhidmatan swasta.

Jika ini mampu dilaksanakan, kerajaan bukan sahaja mampu memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar dan golongan B40, malah agenda memperkasakan ekonomi bumiputera juga dapat direalisasikan tanpa perlu menunggu sebuah kertas putih disediakan untuk bergerak.

■ PROF. MADYA. DR. MOHD YUSOF SAARI ialah Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti